

UCAPAN PROFESOR DR AHMAD YUSOFF BIN HASSAN, NAIB CANSOLOR UTeM, SEMPENA MAJLIS AMAL UNTUK PALESTIN “DOA DAN HARAPAN” PADA 01 JULAI 2009 JAM 2.30 PETANG BERTEMPAT DI AUDITORIUM UTeM.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WRT WBT DAN SALAM SEJAHTERA

YANG BERBAHAGIA DATO’ PROFESOR DR MOHD NOR BIN HUSAIN,
TIMBALAN NAIB CANSOLOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA DAN
ISTERI

YANG BERBAHAGIA DATUK PROFESOR MADYA DR ABU BAKAR BIN
MUHAMAD DIAH, TIMBALAN NAIB CANSOLOR PENYELIDIKAN DAN
INOVASI DAN ISTERI

YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DR ZOLKEPLI BIN BUANG
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

YANG BERBAHAGIA PUAN SARA BINTI AYOB
PENGERUSI PUSPANITA UTeM

YANG BERBAHAGIA PN HAJAH HASIMAH BT SALLEH
AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH, AMAN PALESTIN BERHAD
YANG BERBAHAGIA DATIN NORAINI BT MOHD TOP
TIMBALAN PRESIDEN PERTUBUHAN MAWADDAH MALAYSIA

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIMULIAKAN,
TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA MENADAH TANGAN BERSYUKUR
KEHADRAT ALLAH SWT KERANA TELAH MEMBERI KEIZINAN
KEPADA KITA UNTUK BERKUMPUL PADA PETANG INI DENGAN
PERASAAN AMAN DAN DAMAI. SESUNGGUHNYA KEAMANAN DAN
KEDAMAIAN YANG KITA NIKMATI INI TIADA NILAINYA. KITA PERLU
BERSYUKUR DENGAN NIKMAT YANG DIKURNIAKAN OLEH ALLAH
SWT INI DENGAN SEBAIK-BAIKNYA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI.

DUNIA SERING DIKEJUTKAN DENGAN KEKEJAMAN DAN KEGANASAN YANG DILAKUKAN OLEH REJIM ZONIS DI NEGARA PALESTIN. KEMUSNAHAN KEPADA NEGARA PALESTIN DILAKUKAN DENGAN MENGGUNAKAN PELBAGAI KAEDAH SAMA ADA MELALUI KEKUATAN KETENTERAAN MAHUPUN PENDERAAN MENTAL KEPADA MASYARAKAT PALESTIN.

AKIBAT DARIPADA KEKEJAMAN INI RAKYAT PALESTIN YANG TIDAK BERDOSA MENANGGUNG PENDERITAAN YANG TIDAK TERKIRA. APABILA SERANGAN DILAKUKAN TERHADAP RAKYAT PALESTIN MAKA KITA MELIHAT BANYAK NYAWA TERKORBAN TERUTAMANYA KAUM WANITA DAN KANAK-KANAK. MEREKA YANG CEDERA AKAN DIHANTAR KE HOSPITAL YANG SUDAH TENTU JUGA TIDAK MEMPUNYAI PERALATAN DAN UBATAN YANG MENCUKUPI AKIBAT DARIPADA SEKATAN YANG DILAKUKAN. YANG TERKORBAN PULA DI USUNG KE TANAH PERKUBURAN SEBAGAI PEJUANG YANG SYAHID.

RAKYAT PALESTIN HANYA MEMINTA SATU PERKARA SAHAJA IAITU KEMBALIKAN TANAH AIR MEREKA DAN HIDUP DALAM SUASANA YANG AMAN. INI ADALAH HAK MEREKA YANG DIRAMPAS OLEH REJIM ZIONIS DARI BANGSA ISRAEL. NAMUN BEGITU PERMOHONAN MEREKA MENGUNDANG PEPERANGAN, TANGISAN DAN RINTIHAN AKIBAT BEDILAN DARIPADA PELBAGAI SENJATA YANG SUDAH TENTUNYA TERARAH KEPADA RAKYAT PALESTIN DAN BUKAN ORANG YAHUDI YANG MERAMPAS TANAH AIR MEREKA.

SENJATA – SENJATA ISRAEL TELAH MEMUSNAHKAN SEGALA RASA PERIKEMANUSIAN SERTA MENAFIKAN SEGALA AMARAN, KEBIMBANGAN DAN KUTUKAN DUNIA KEPADA MEREKA. KEZALIMAN YANG DIRESTUI OLEH SEKUTU MEREKA DARI BARAT INI PERLU DIHENTIKAN. DUNIA MEMERLUKAN KEDAMAIAN BUKANNYA PEPERANGAN UNTUK HIDUP AMAN DAN SEJAHTERA. RAKYAT PALESTIN TELAH DINAFIKAN TENTANG HAK ASASINYA SEPERTIMANA YANG SELALU DILAUNGKAN DAN DIPERJUANGKAN OLEH BARAT.

OLEH YANG DEMIKIAN SAYA MENGUCAPKAN SYABAS, TAHNIAH DAN TERIMA KASIH KEPADA PUSPANITA UT_eM, PERTUBUHAN AMAN PALESTIN DAN PERTUBUHAN MAWADDAH MALAYSIA KERANA MENGAMBIL INISIATIF MENGADAKAN PROGRAM PADA PETANG INI. MAJLIS AMAL UNTUK PALESTIN ‘DOA DAN HARAPAN” INI ADALAH SATU USAHA YANG BERMATLAMAT UNTUK MEMBERI KEINSAFAN KEPADA KITA DI SAMPING MEMBANTU RAKYAT PALESTIN DALAM BENTUK SOKONGAN MORAL SERTA MEYUMBANG SEDIKIT BANTUAN DALAM BENTUK WANG RINGGIT KEPADA MANGSA KEKEJAMAN ISRAEL DI PALESTIN.

SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA PROGRAM INI TELAH BERLANGSUNG SELAMA SEBULAN BERMULA DARI BULAN JUN YANG LALU DENGAN AKTIVITI-AKTIVITI JUALAN AMAL, PAMERAN MENGENAI PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN DAN KUTIPAN DERMA KEPADA RAKYAT PALESTIN. USAHA MURNI INI PERLU DITERUSKAN SEBAGAI SATU PERJUANGAN DAN SEMOGA IA MENDAPAT KEBERKATAN DARI ALLAH SWT. ALHAMDULILLAH KUTIPAN DERMA YANG DIBUAT TELAH MENDAPAT PERHATIAN DARIPADA WARGA UNIVERSITI. INI MENANDAKAN BAHAWA SOKONGAN KITA TERHADAP PERJUANGAN DAN HAK RAKYAT PALESTIN ADALAH JITU. NAMUN BEGITU SUMBANGAN YANG KITA LAKUKAN INI MASIH SEDIKIT DARIPADA PERJUANGAN DAN PENDERITAAAN YANG DILALUI OLEH RAKYAT PALESTIN, YANG TERPAKASA MENUMPAH DARAH SERTA MENEMPUHI KEPERITAN PEPERANGAN DENGAN REJIM ZIONIS. SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KSIH KEPADA PENYUMBANG-PENYUMBANG DAN SUKARELAWAN YANG MENGGERAKKAN PROGRAM INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SESUNGGUHNYA BANGSA ISRAEL ADALAH BANGSA YANG CUKUP KEJAM, DEGIL, ANGKUH DAN SOMBONG. DI DALAM AL-QURAN SURAH AL-MA’IDAH AYAT 70 ALLAH MENERANGKAN SIKAP SEBENAR BANGSA ISRAEL YANG BERMAKSUD:

“DEMI SESUNGGUHNYA! KAMI TELAH MENGAMBIL PERJANJIAN SETIA DARI BANI ISRAEL DAN KAMI UTUSKAN KEPADA MEREKA BEBERAPA RASUL. (TETAPI) TIAP-TIAP KALI DATANG SEORANG RASUL KEPADA MEREKA DENGAN MEMBAWA APA YANG TIDAK

DISUKAI OLEH HAWA NAFSU MEREKA, MEREKA DUSTAKAN SEBAHAGIAN DARI RASUL-RASUL ITU, DAN MEREKA BUNUH YANG SEBAHAGIAN LAGI”.

OLEH ITU MARILAH KITA SEMUA PADA HARI INI BERSATU HATI SENADA SUARA MENGUTUK SEGALA KEZALIMAN DAN PENCEROBOHAN YANG BERLAKU DI BUMI PALESTIN. WARGA UTeM TANPA MENGIRA KAUM, USIA DAN GOLONGAN PERLU MENYOKONG PERJUANGAN YANG DILAKUKAN OLEH RAKYAT PALESTIN.

DUNIA YANG INDAH INI DICIPTA OLEH ALLAH SWT SEBAGAI TEMPAT UNTUK KHALIFAHNYA MENGABDIKAN DIRI KEPADANYA DENGAN MELAKUKAN AMAL SALEH. DUNIA INI BUKANNYA TEMPAT UNTUK MELAKUKAN KEROSAKAN DAN TIADA TEMPAT PUN DI DUNIA INI WALAU SEINCI UNTUK BANGSA SEZALIM ISRAEL.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI.

AKHIR KATA SAYA MENGHARAPKAN AGAR PROGRAM YANG KITA ANJURKAN INI WALAUPUN SEDIKIT TETAPI MEMBERI ISYARAT JELAS KEPADA DUNIA BAHAWA APA SAHAJA TINDAKAN PERLU DILAKUKAN KEPADA ISRAEL DAN HENTIKAN KEZALIMAN KEPADA RAKYAT PALESTIN YANG TIDAK BERDOSA.

KITA TIDAK SANGGUP UNTUK MELIHAT KEKEJAMAN DI PALESTIN ATAU DI MANA – MANA NEGARA SEKALIPUN. DUNIA TIDAK BOLEH MENGHALALKAN KEZALIMAN INI. MARILAH KITA BERDOA AGAR DUNIA INI SENTIASA BERADA DALAM KEADAAN SEJAHTERA. SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PUSPANITA UTeM, PERTUBUHAN AMAN PALESTIN, PERTUBUHAN MAWADDAH MALAYSIA DAN SEMUA PIHAK YANG MENYUMBANG SERTA MENGAMBIL INSIATIF MEMBANTU RAKYAT PALESTIN, DAN SEMOGA USAHA INI MENDAPAT KEBERKATAN DARIPADA ALLAH SWT JUA.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WAL HIDAYAH WASALAMUALAIKUM WRT WBT.

TERIMA KASIH